

ATM siap sedia anggota ke lokasi banjir

KUALA LUMPUR - Angkatan Tentera Malaysia (ATM) sentiasa bersiap siaga memobilisasi anggota pasukan keselamatan itu dari segi tenaga, aset dan kemudahan ke mana-mana kawasan banjir jika diperlukan, kata Menteri Pertahanan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

"Kita akan melibatkan anggota dan pegawai mengikut jumlah batalion di tempat dilanda banjir. Bagaimanapun, kerajaan Johor belum lagi meminta kita untuk memobilisasi anggota.

"Tapi brigid dan batalion di Johor sentiasa bersedia untuk bergerak menggunakan aset yang ada, khususnya tentera darat," katanya pada sidang media di Parlimen, semalam.

Ahmad Zahid mengulas situasi banjir di Johor yang mana menurut portal banjir Majlis Keselamatan Negara (MKN), seramai 1,284 mangsa ditempatkan di pusat pemindahan banjir Batu Pahat dan Kluang sehingga jam 3 petang semalam.

Jabatan Meteorologi Malaysia meramalkan fenomena hujan tidak menentu akan berlaku sepanjang November di se-

“ Kita akan melibatkan anggota dan pegawai mengikut jumlah batalion di tempat dilanda banjir. Bagaimanapun, kerajaan Johor belum lagi meminta kita untuk memobilisasi anggota. Tapi brigid dan batalion di Johor sentiasa bersedia untuk bergerak menggunakan aset yang ada, khususnya tentera darat.”

Ahmad Zahid

luruh negara disebabkan arah tiupan angin sentiasa berubah.

Ahmad Zahid berkata, ATM mempunyai aset khas iaitu lori tujuh tan yang diharap mampu mengharung banjir bagi kerja menyelamatkan dan memindahkan mangsa.

Selain itu, ATM memiliki dapur bergerak untuk digunakan mangsa banjir di

pusat pemindahan.

Beliau berkata, apa yang paling penting ketika ini ialah koordinasi antara pihak terlibat dan pengurangan risiko bencana alam yang sedang dilaksanakan MKN.

Katanya, koordinasi ATM yang ada ketika ini adalah antara Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), bomba, Jabatan Pertahanan Awam, pejabat daerah dan berkaitan.

"Saya telah mewakili Menteri Di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Mohd Nazri Aziz ke Persidangan Asia Pasifik Pengendalian Pengurangan Risiko Bencana Alam, Jogjakarta baru-baru ini. Antara yang diputuskan adalah sistem koordinasi pasukan penyelamat yang efisien.

"Selain itu, pelaksanaan penyediaan perubatan dan makanan untuk mengelak penyakit sebelum bencana berlaku dengan mengambil contoh beberapa negara yang pernah dilanda bencana yang dahsyat.

"Perkara ini boleh dilakukan menerusi jawatankuasa di peringkat negeri dan daerah," katanya. - Bernama